

# Lelaki mengaku terima enjin motosikal curi dipenjara tujuh bulan

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara tujuh bulan terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah menerima harta curi iaitu sebuah enjin motosikal.

Mohamad Ridzuan Usup, 43, didakwa secara tidak jujur menerima harta curi tersebut dalam satu kejadian pada 6 Mei 2026, sekitar jam 11 pagi di sebuah rumah di Kampung Temenggong Haji

Gobil di sini.

Pertuduhan mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara minimum enam bulan dan maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Fakta kes mendedahkan seorang lelaki berusia 38 tahun (pengadu) membuat laporan polis menyatakan bahawa motosikalnya yang

berkunci dan diletakkan di sebuah sekolah di Jalan Matang di sini telah hilang dicuri.

Anggaran kerugian adalah sekitar RM5,000.

Hasil siasatan polis seterusnya membawa kepada penangkapan tertuduh pada 6 Mei 2026.

Semasa tangkapan dibuat, polis menemui sebuah motosikal Modenas dan hasil pemeriksaan lanjut men-

dapati nombor enjinnya sepadan dengan motosikal yang dilaporkan hilang oleh pengadu.

Dalam pada itu, Majistret Ling Hui Chuan memerintahkan hukuman penjara bagi tertuduh untuk dikuatkuasakan mulai semalam.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani sementara tertuduh tidak diwakili peguam.